

03/12/1997

Peniaga tidak hiraukan krisis matawang

BUTTERWORTH, Selasa - Peniaga dan pengusaha besar di Bukit Mertajam dan Butterworth tidak menghiraukan krisis mata wang yang melanda negara ketika ini, sebaliknya menunjukkan sikap terus berlumba-lumba membina pasar raya baru di kawasan bandar utama itu kebelakangan ini.

Persaingan hebat itu menarik perhatian ramai terutama di kalangan pelancong luar dari kawasan berkenaan. Mereka menyifatkan keadaan itu sama sekali tidak menunjukkan negara sedang menghadapi krisis ekonomi.

Tinjauan Berita Harian mendapati lebih 10 pasar raya sedemikian giat dibina oleh pengusaha terbabit di kawasan bandar utama di Seberang Prai termasuk di luar bandar utama.

Krisis mata wang dihadapi negara sama sekali tidak menjejaskan hasrat mereka melabur dalam bidang yang boleh memberi pulangan baik. Berita Harian difahamkan pembinaan setiap pasar raya berkenaan dianggarkan menelan belanja lebih daripada RM3 juta.

Kawasan menjadi tumpuan pengusaha termasuk di Jalan Maju di pinggir bandar Bukit Mertajam. Ini kerana kawasan itu sebagai pusat pertumbuhan baru apabila jalan raya baru dari kawasan itu ke Bukit Tengah berharga RM8 juta hampir siap dibina.

Selain itu pembinaan pasar raya di kawasan terbabit menarik perhatian ramai berikutan daripada pembangunan pesat di kawasan itu termasuk infrastrukturnya.

Projek berkenaan masih berjalan lancar tanpa menandakan ia akan dihentikan berikutan krisis mata wang.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahahgian Bukit Mertajam, Hamid Ahmad, ketika diminta mengulas perkembangan itu, berkata fenomena itu sangat menggalakkan.

"Ini menunjukkan walaupun dalam keadaan krisis mata wang negara, dengan kepimpinan yang cekap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih mampu menarik pelabur luar," katanya.

(END)